Harian Metro - 30/5/16

Latih si kecil puasa Ramadan

Beri dorongan kepada anak laksana Rukun Islam Ketiga secara beransur-ansur

Dalam kesempatan waktu sebelum memasuki Ramadan, marilah kita beriltizam dan mengatur langkah untuk memanfaatkannya. Pastikan ahli keluarga kita mempunyai cita-cita untuk mendapat darjat takwa melalui ibadat puasa.

Firman Allah bermaksud: "Wahai orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa." **(Surah al-Baqarah, ayat 185)**

Setiap saat dalam Ramadan adalah waktu amat berharga untuk mendidik anak kita menjadi insan bertakwa. Jangan sisihkan mereka dalam usaha mendapatkan ganjaran hebat pada Ramadan.

Banyak perkara kita boleh kongsikan dengan mereka, terutama bagi yang belum baligh, antaranya:

AJAK kanak-kanak beribadat dan biasakan kunjungi masjid sejak dari kecil. - Gambar hiasan

● Latih mereka berpuasa

Anak perlu dididik seawal usia agar mereka menjadi hamba yang taat. Meskipun ada dalam kalangan mereka yang belum mencapai usia baligh untuk menunaikan puasa, ini tidak bermakna mereka tidak perlu dilatih untuk berpuasa.

Dalam hal ini, ibu bapa perlu bijak mendidik anak berpuasa mengikut kemampuan mereka. Namun, perlu menjadi ingatan, janganlah pula memaksa mereka yang belum berkemampuan untuk berpuasa penuh.

Mungkin ibu bapa boleh membiasakan mereka berpuasa sedikit demi sedikit sehingga mungkin akhirnya pada akhir Ramadan, anak kita yang masih belajar ini mampu berpuasa penuh dari masuknya waktu Subuh hingga terbenam matahari.

● Beri informasi kebaikan puasa

Apabila ingin mengajar anak berpuasa, pastikan kita turut memberi mereka ilmu mengenai puasa.

Mereka perlu tahu serba sedikit mengenai ibadat ini. Jangan biarkan mereka menahan lapar dan dahaga dalam keadaan mereka tertanya-tanya keperluan berbuat demikian.

FAKTA
Jangan sisih anak dalam usaha mendapatkan ganjaran hebat pada Ramadan

Hal ini penting kerana kita mahu anak melakukan ibadat atas dasar ilmu, bukan sekadar ikut-ikutan.

Kita perlu didik mereka bahawa ibadat puasa perlu ditunaikan dengan reda, bukan secara terpaksa.

Apabila perkara ini dapat dilakukan, dengan sendirinya mereka akan suka untuk berpuasa tanpa kita paksa dan marah.

● Bersahur dan berbuka bersama

Mungkin ada dalam kalangan kita yang menyuruh anak makan dulu sebelum tibanya waktu berbuka. Ini mungkin kerana anak itu tidak berpuasa dan tidak mahu mereka mengganggu orang dewasa ketika waktu berbuka.

Hal ini perlu diperbetulkan. Meskipun anak kita yang masih kecil tidak berpuasa atau mungkin hanya berpuasa separuh hari, raikan mereka bersama orang yang sahur dan berbuka puasa.

Pada ketika ini juga banyak perkara yang boleh disemai dalam hidup anak. Mulakan makan dengan membaca doa, beradab ketika makan, makan secara sederhana, makan dengan tangan kanan dan banyak lagi perkara sunah yang boleh kita terapkan dalam diri mereka.

● Tanam rasa malu

Atas sebab tertentu, mungkin anak kita masih belum mampu untuk berpuasa. Justeru, mereka perlu makan ketika orang lain berpuasa. Maka, didiklah anak agar rasa malu untuk makan di depan khalayak berpuasa.

Hal ini meskipun nampak kecil, ia akan menjadi tanda adanya iman dalam diri anak kita.

Manfaatkanlah peluang ini untuk memastikan mereka sentiasa berakhlak mulia walaupun tanpa keberadaan ibu bapa di sisinya.

Semoga dengan usaha tarbiah Ramadan ini kita dapat memelihara ahli keluarga daripada seksaan api neraka.

Firman Allah bermaksud: "Wahai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka..." **(Surah at-Tahrim, ayat 6)**

Penulis ialah pensyarah UniSZA

AL-HAQ

Sehari sepotong ayat

"Sedarlah wahai orang-orang yang lalai. (Sebenarnya kamu tidak ingatkan kesudahan kamu) bahkan kamu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya. Dan kamu tidak menghiraukan (bekalan untuk) hari akhirat (yang kekal abadi kehidupannya)."

(Surah al-Qiamah, ayat 20 dan 21)

Tafsir Pimpinan ar-Rahman